



**BANGGA...** Dr Siti Hasmah melihat sijil tamat kursus yang diterima oleh Dr Wan Azizah sambil diperhatikan peserta yang lain di IDHL, semalam.

## 27 ahli Bakti terima sijil

PETALING JAYA, Jumaat - Seramai 27 ahli Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) menerima sijil tamat kursus masing-masing di majlis penutup tamat Kursus Ahli-ahli Bakti di Institut Diplomas dan Hubungan Luar Negeri (IDHL) hari ini.

Antara peserta yang menerima sijil yang disampaikan oleh isteri

Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali ialah isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Dalam majlis itu Dr Siti Hasmah merangkap Yang Dipertua Bakti, berkata kursus selama empat minggu itu menepati objektif asalnya mendedahkan peserta kepada aspek protokol komunikasi dan etika sosial.

"Malah, peserta juga menunjukkan komitmen mendalam melalui tindak balas yang diberi selepas mengikuti kursus kali pertama di adakan di negara ini.

"Pembabituan peserta di dalam sesi soal jawab juga adalah membanggakan melalui pengendalian kelas pengucapan awam yang dijalankan dalam kursus ini.

"Kita berharap selepas

ini peserta akan lebih yakin dan dapat menyesuaikan diri dalam apa juga keadaan," katanya ketika merasmikan majlis penutup kursus itu.

Sementara itu, Ketua Pengarah IDHL, Datuk Ghazzali Sheikh Abdul Khalid, berkata, kursus itu bertujuan meningkatkan pengetahuan ahli Bakti mengenai dasar kerajaan serta isu semasa dalam dan luar negara.